

YUSERRIE (dua kiri) dan Sheikh Umar (tiga kanan) memegang produk berasaskan cendawan nanas hasil penyelidikan UMPSA.



UMPSA terokai potensi dalam industri nanas



UMPSA melakukan pelbagai penyelidikan dan inovasi berkaitan nanas.



Terdapat seramai 22 orang penyelidik yang terlibat dengan penyelidikan berkaitan nanas dan memperoleh dana sama ada di peringkat universiti, KPT atau industri sejak tahun 2015."

YUSERRIE

negara sesuai dengan salah satu fungsi LPNM iaitu bagi menyokong penyelidikan berkaitan industri.

Ya juga bertepatan dengan usaha meningkatkan ekonomi negara menerusi penghasilan buah nanas berkualiti tinggi bagi pasaran eksport serta produk hiliran.

"Kerjasama ini juga diharapkan dapat membuka ruang lebih luas kepada UMPSA melalui Pusat Penyelidikan Bioaromatik dalam mengkoordinasi kerjasama dengan LPNM dan rakan strategik serta usahawan-usahawan di bawah bimbingan LPNM.

"Ia sekali gus dapat memanfaatkan kedua-dua pihak dalam bidang latihan, penyelidikan inovasi, penulisan, penerbitan, konsultasi serta kumpulan pemikir mengenai teknologi penanaman nanas, hasil sisa nanas serta produk inovasi lain," ujarnya.

Sementara itu, Sheikh Umar Bagharib menyifatkan kerjasama itu membuka peluang besar untuk pengembangan ilmu serta kemahiran dalam bidang penyelidikan dan teknologi pertanian.

Melalui kerjasama itu, terdapat pendedahan yang luas dalam pelbagai aspek seperti IoT, Revolusi Perindustrian 4.0 dan teknologi terkini berkaitan pertanian.

"MoU pada hari ini juga merupakan satu langkah penting dalam merealisasikan Program Kebitaran yang bertujuan memperkasakan pembangunan industri nanas melalui kerjasama dengan institusi seperti UMPSA.

"Ini selaras dengan hasrat kita untuk menjadikan Malaysia sebagai peneraju dalam teknologi pertanian khususnya industri nanas," ujarnya sebelum menutup bicara.

Kampus



Oleh SAIRUL ZAMRI MISRANI

UNIVERSITI Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) menerokai industri nanas melalui kerjasama dengan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) baru-baru ini.

Kerjasama strategik tersebut terjalin menerusi Memorandum Persefahaman (MoU) berkaitan penyelidikan, pembangunan dan pemerkasaan teknologi dalam industri nanas di negara ini.

Menurut Naib Canselor UMPSA, Prof. Dato' Ts. Dr. Yuserrie Zamuddin, kerjasama itu bakal memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak.

"UMPSA sentiasa komited untuk membina kerjasama bermakna bersama agensi lain dalam usaha untuk melahirkan penyelidik dan graduan yang kompeten, kalis cabaran dan menepati kehendak industri pada masa kini.

"Kerjasama kedua-dua pihak ini bermula melalui projek Geran Program Pemindahan Ilmu di bawah program pendanaan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) pada tahun 2017.

"Program berkenaan berkaitan pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di ladang nanas oleh sekumpulan penyelidik program yang kini berada di Fakulti Sains dan Teknologi Industri UMPSA," katanya.

Turut hadir pada majlis menandatangani MoU itu adalah Ketua Pengarah LPNM, Mohd. Khairuzamri M.



YUSERRIE (dua dari kiri) bersama Sheikh Umar (tengah) mewakili UMPSA dan LPNM ketika menandatangani MoU di kampus UMPSA, Pekan, Pahang baru-baru ini.

Salah dan Pengerusi Lembaga Pengarah LPNM, Sheikh Umar Bagharib Ali.

Jelas Yuserrie, kesinambungan daripada projek tersebut, beberapa penyelidik UMPSA telah bekerjasama dengan pihak LPNM Negeri Pahang dalam pelbagai kerjasama inovasi dan penyelidikan berkaitan sisa nanas serta teknologi penanaman.

Ia termasuklah inovasi cendawan nanas oleh Prof. Madya Dr. Aizi Nor Mazlia Ramli, baja organik probiotik Propecto (Dr. Noormazlinah Ahmad) dan dron pembajaan (Ts. Johariel Johari) daripada Pusat Program Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) Teraju.

Selain itu, beberapa penyelidik lain turut terlibat membantu inisiatif LPNM dalam projek 'Pineapple Night Farming' dengan penggunaan kuasa solar dan teknologi internet of things (IoT).

"UMPSA sangat komited dan berharap dapat membantu LPNM dengan kepakaran dalam kalangan penyelidik universiti.

"Terdapat seramai 22 orang penyelidik yang terlibat dengan penyelidikan berkaitan nanas dan memperoleh dana sama ada di peringkat universiti, KPT atau industri sejak tahun 2015," katanya.

Yuserrie berharap, hasil penyelidikan dapat membantu perindustrian nanas